

20 SEP 2002

Mahathir-Generasi

BELANJAWAN 2003 UNTUK GENERASI MUDA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Belanjawan 2003 yang dibentangkannya hari ini, lebih ditumpukan kepada generasi muda.

"Kita belanja banyak untuk generasi muda termasuk penuntut sekolah rendah dan menengah," katanya pada sidang media selepas membentangkan belanjawan itu di Dewan Rakyat hari ini.

Sambil mengakui Belanjawan 2003 adalah pelaburan untuk generasi akan datang, Perdana Menteri berkata, keadaan kini berbeza dengan belanjawan terdahulu yang banyak menumpukan kepada pelajaran di peringkat tertinggi.

Dalam Belanjawan 2003, kerajaan memperuntukkan RM14,294 juta bagi pendidikan rendah dan menengah manakala RM8,685 juta bagi pendidikan tinggi.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan hampir RM5 bilion bagi tempoh 2002 hingga 2008 untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

"Kita beli komputer untuk meningkatkan pengajaran. Sebagaimana saya beritahu, kita nak guna komputer untuk mengajar, bukan nak ajar Inggeris sahaja.

"Kita kena siapkan, komputer tak murah...mahal, kita hendak guna projektor, satu projektor harganya RM13,000," katanya.

Pengajaran sains dan matematik menggunakan bahasa Inggeris itu akan dilaksanakan di sekolah menengah dan rendah.

Ketika ditanya sama ada kerajaan telah membuat keputsan muktamad untuk melaksanakan kaedah itu, Dr Mahathir berkata: "Sama ada kita mula tahun pertama, tahun keempat, tahun keenam, itu lain kira tapi persiapan kita buat."

Mengenai pendirian parti-parti komponen Barisan Nasional yang belum memutuskan persetujuan pelaksanaan pengajaran sains dan matematik menggunakan bahasa Inggeris itu, beliau berkata: "Itu tak termasuk kira."

-- BERNAMA

RZS RZS MAI